

20 FEB 2001

Cuba-Keamanan

CUBA TOLAK KONSEP CAMPUR TANGAN KEMANUSIAAN

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Menteri Luar Cuba Felipe Perez Roque hari ini berkata ancaman paling serius terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa ialah konsep campurtangan kemanusiaan yang digembar-bemburkan itu.

"Konsep itu sedang dikenakan oleh negara-negara kuat yang diketuai Amerika Syarikat terhadap negara mundur dan yang sedang membangun. Kami membantah tindakan itu," katanya.

Ketika memberi ceramah mengenai "Peranan Cuba Dalam Politik Antarabangsa" anjuran Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar, beliau berkata hak kemanusiaan telah menjadi senjata ideologi bertujuan mewujudkan order baru dunia.

Roque juga menegaskan perlunya perubahan pada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) serta Bank Dunia.

"Perubahan perlu dilakukan terhadap PBB dengan mendemokrasikan kaedah-kaedahnya. Perlu disedari bahawa PBB kini mempunyai jumlah anggota yang lebih besar daripada yang ada semasa penubuhannya dahulu. Kami percaya Majlis Keselamatan juga harus diperluaskan."

Beliau juga berkata hak orang ramai dan negara-negara untuk mengambil bahagian dalam pembangunan hendaklah diakui.

Roque berkata hubungan politik antara Havana dan Kuala Lumpur adalah "sangat positif" manakala dalam lapangan ekonomi, kedua-dua pihak baru hendak mengenali antara satu sama lain.

"Perhubungan kita boleh dianggap sebagai sangat memuaskan dalam kedua-dua lapangan. Pada masa ini, minat pelabur Malaysia semakin meningkat terhadap sektor penting dalam ekonomi Cuba," kata beliau.

Menteri itu berkata dalam tempoh lawatan yang dicadang dilakukan oleh Presiden Fidel Castro ke Malaysia dalam tahun ini nanti, pemimpin Cuba itu dijangka berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai isu dua hala dan antarabangsa termasuk globalisasi.

Beliau menerangkan secara panjang lebar mengenai sekatan yang dikenalkan oleh Amerika Syarikat terhadap Cuba sejak 39 tahun dahulu.

Roque sedang melakukan lawatan tiga hari ke Malaysia. Beliau kemudian akan melawat Singapura, Vietnam, China dan Jepun dalam rangka lawatan dua minggu ke Asia.

-- BERNAMA

MAM AHH NMO